

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (PRU 14 #kuasarakyat)

TARIKH: 11 APRIL 2018

MUKA SURAT: 12

## Wujudkan satu lagi PBT baharu

**BAGI** Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo, kawasan membangun dengan cepat sejak 10 tahun lalu.

Menurutnya, ia akan terus membangun dan menjadi tempat pilihan utama untuk projek-projek perumahan baharu.

“Oleh itu, kita kena pastikan infrastruktur tempatan adalah cukup untuk menampung jumlah penduduk yang meningkat. Perlu ada pembangunan sistematik dan rancangan baik untuk trafik yang mengalir melalui Puchong. Bagi saya, tumpuan perlu diberikan un-

tuk menjadikan Puchong kedua-dua hab perniagaan dan juga pendidikan.

“Ini sudah pun berlaku dan saya lihat banyak institusi pendidikan mahupun universiti atau sekolah didirikan dan mendapat sambutan baik,” katanya.

Gobind berkata, dari segi infra, kajian mesti dijalankan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan trafik di Puchong dengan kadar segera.

Seterusnya, penekanan perlu diberikan kepada peningkatan kemudahan pihak berkuasa tempatan

untuk menangani masalah tempatan.

“Memandangkan pembangunan pesat menyebabkan ramai penduduk dan kawasan perumahan baharu di Puchong, saya rasa masa sudah tiba untuk memikirkan kalau boleh kita wujudkan satu lagi PBT baharu untuk kawasan Puchong. Ini memandangkan MPSJ kini meliputi kawasan yang sangat luas dan sangat padat.

Kewujudan PBT baharu boleh secara terus meningkatkan kualiti perkhidmatan untuk rakyat,” katanya.